



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (5)

Tarikh : 13 April 2013

## SIARAN MEDIA

### **PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI TAMAN SRI ABADI BERJAYA DIPULIHKAN DAN PERUNTUKKAN RM3.8 JUTA BAGI PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI TAMAN SERI MARINA & TAMAN SERI SIMPANG JAYA**

Alor Setar, 13 April 2013 - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan majlis penyerahan Sijil Layak Menduduki (CFO) Taman Sri Abadi dan pelancaran pemulihan Taman Seri Marina & Taman Seri Simpang Jaya pada pagi ini. Projek perumahan Taman Sri Abadi ini telah dimulakan pembinaan pada tahun 1997 dan sepatutnya siap pada tahun 1999. Projek ini melibatkan 165 unit rumah yang mana kesemua unit tersebut telah pun dijual pada peringkat awal lagi.

Walaupun demikian, akibat daripada masalah dalaman dan aliran kewangan syarikat, projek ini telah diisytiharkan sebagai projek perumahan swasta terbengkalai pada 31 Disember 2002. Pada peringkat itu, pemaju asal Grand Rejoice Sdn. Bhd telah berjaya mencapai kemajuan projek ini adalah sebanyak 80%. Kerja-kerja yang berbaki seperti pembinaan tangki air, kerja penyiapan bangunan, pembinaan jalan dan perparitan disambungkan oleh kontraktor penyelamat Hazelhead Sdn. Bhd. Syarikat ini telah berjaya menyiapkan baki kerja-kerja berkaitan menggunakan dana sedia ada dalam projek itu. Bagi pelancaran projek perumahan swasta terbengkalai Taman Seri Marina dan Taman Seri Simpang Jaya pula, ini melibatkan 300 unit rumah dan 284 orang pembeli.

Jabatan Perumahan Negara melalui Tender Terbuka telah melantik Syarikat QSE Construction Sdn. Bhd. bagi memulihkan projek menggunakan dana kerajaan berjumlah RM3.8juta. Kerja-kerja pemuliharaan telah dimulakan pada 29 Januari 2013 dan tarikh siap asal pada 28 September 2013. Skop kerja pemuliharaan adalah kerja-kerja pembaikan *Sewerage Treatment Plant* (STP), paip pembentungan, jalan dan pemparitan.

Di Negeri Kedah ini, terdapat sejumlah 14 projek perumahan swasta terbengkalai melibatkan 2,143 unit rumah/pembeli. Daripada jumlah ini 7 projek termasuk Taman Sri Abadi telah pun disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki manakala 4 projek sedang dalam peringkat pemuliharaan. Baki 3 projek lagi dalam peringkat perancangan : yang baru diisytiharkan sebagai projek terbengkalai pada Mac 2013. Majlis di pagi ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Arpah Binti Abdul Razak :Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Dr. Mohd. Padzil Bin Hashim:Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara; YB. Dato' Seraja Setia Dato' Paduka Haji Rasli Bin Basir: Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, YBrs. Encik Kang Ban Aik Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Perumahan Negara; YB. Dato' Haji Mat Noh Bin Ahmad Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar, Encik Tiong Heh Bin :Pengarah Eksekutif HB Tiong & Partners selaku pelikuidasi bagi Syarikat JB Kulim Development Sdn. Bhd. (in liquidation); Encik Ow Seng Yau Pengarah Eksekutif Hazelhead (M) Sdn. Bhd. selaku kontraktor penyelamat; Sr. Haji Azinal Abidin Bin Haji Ali Pengarah Eksekutif QSE Construction Sdn. Bhd, Encik Nordin Bin Haji Md. Safar Wakil Pembeli Projek Perumahan Taman Sri Abadi; Encik Abdul Rahman Bin Muhamad :Wakil Pembeli Projek Perumahan Taman Seri Marina; Encik Elias Bin Abdullah Wakil Pembeli Projek Perumahan Taman Seri Simpang Jaya;Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan Dan

## Negeri Kedah Darul Aman dan Pemimpin-Pemimpin Masyarakat Dan Jawatankuasa Kecil Kemajuan Kampung (JKKK).

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)